



M E M O

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 (64)

TARIKH: 3 September 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 25/2010 KENYATAAN BERBAUR PERKAUMAN	
DARIPADA : Pengarah CIAST	SALINAN KEPADA :
KEPADA : Semua Kakitangan CIAST MELALUI : KB / KP	KP JPK TP PP TP PL

1. TUJUAN

Memaklumkan mengenai larangan pegawai awam membuat kenyataan berbaur perkauman yang boleh menjelaskan perpaduan dan keharmonian antara kaum.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Ogos menegaskan supaya tindakan tegas diambil ke atas mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum atau agama khususnya dalam perkhidmatan awam.
- 2.2 Agensi Kerajaan diminta untuk membuat tindakan susulan bagi mengelakkan kakitangan kerajaan membuat kenyataan-kenyataan berbaur perkauman.
- 2.3 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, perkara 4(d) menjelaskan bahawa seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

3. ARAHAN

- 3.1 Kakitangan CIAST adalah dilarang untuk membuat sebarang kenyataan atau perilaku yang menyentuh sensitiviti kaum atau agama.

- 3.2 Kefahaman dan kesedaran terhadap sensitiviti perkauman dan program pemantapan kenegaraan hendaklah diterapkan ke dalam kurikulum pengajaran kursus-kursus pembangunan dan peningkatan tenaga pengajar yang dianjurkan oleh CIAST.
 - 3.3 Peringatan kepada tenaga pengajar CIAST hendaklah dibuat dari masa ke semasa supaya isu berkaitan dengan sensitiviti kaum hendaklah diberi perhatian dan sentiasa diingatkan ketika proses pengajaran dilaksanakan. Ini bagi menentukan pelajar / peserta kursus yang dilatih mempunyai disiplin diri yang tinggi dan kesedaran pentingnya bagi mewujudkan perpaduan dan keharmonian di antara kaum di negara ini.
4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan diatas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi"



(GHALAN BIN GHAZALI)

Kbkp/ap/ap25